

# MENOLAK HADIS MENGUNDANG PENYELEWENGAN DALAM AGAMA ISLAM



Oleh: Mansor bin Sulaiman  
mansor@ump.edu.my

Baru-baru ini berlaku kegemparan dalam masyarakat Malaysia berkenaan isu anti Hadis. Ia diikuti dengan pelbagai diskusi dan perbincangan berkenaan termasuk di kalangan mereka yang tidak memahami maksud Hadis itu sendiri. Secara umumnya, Hadis adalah sesuatu yang disandarkan kepada Nabi Muhammad, meliputi kata-kata, perbuatan dan ikrar baginda. Telah sabit dengan dalil yang qat'ie (putus) bahawa Nabi Muhammad adalah Rasulullah iaitu utusan Allah bagi menyampaikan ajaran Islam kepada manusia. Keimanan terhadap kerasulan ini menuntut ketataan dan berpegang kepada apa yang dibawa baginda. Penolakan terhadap Hadis pula bukan sekadar memberi implikasi penolakan terhadap Nabi Muhammad tetapi juga penidakkannya terhadap kandungan al-Quran itu sendiri. Ini disebabkan ia bercanggah dengan nas-nas daripada al-Quran yang menunjukkan hadis sebagai sumber rujukan kepada umat Islam, antaranya firman Allah dalam ayat 7, Surah al-Hashr yang bermaksud: "Apa yang diberikan Rasul kepada mu maka terimalah dia. Dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkanlah". Dalam nas yang lain, Allah menjelaskan peranan hadis sebagai penerang kepada kandungan al-Quran menerusi firman Allah dalam ayat 44, Surah al-Nahl yang bermaksud: "Dan kami turunkan kepadamu al-Quran, agar kamu menerangkan kepada umat

manusia apa yang telah diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkan".

Al-Qurtubi menyatakan bahawa maksud penerangan Nabi Muhammad terhadap al-Quran yang disebutkan dalam nas di atas adalah dalam dua bentuk. Pertama perincian terhadap perkara-perkara yang bersifat mujmal (ringkas) di dalam al-Quran seperti perincian hadis berkenaan perkara-perkara berkaitan hukum zakat yang tidak dijelaskan oleh al-Quran. Kedua, penerangan tentang hukum yang tidak disebutkan langsung oleh al-Quran seperti hukum pengharaman memakan daging haiwan buas bertaring yang hanya diperoleh menerusi Hadis.

Realiti juga menunjukkan telah berlaku kesepakatan di kalangan umat Islam sejak daripada zaman Nabi Muhammad sehingga hari ini berkenaan kewajipan mengambil hukum daripada Hadis serta keperluan menjadikannya sebagai rujukan bagi hukum-hukum syariah. Tidak ditemui pengamalan pada masa sahabat dan selepasnya yang membezakan antara hukum yang berdasarkan al-Quran dan Hadis. Bahkan terdapat banyak riwayat pada zaman awal Islam yang menunjukkan kedudukan Hadis sebagai sumber rujukan tanpa sebarang syak lagi. Antaranya kisah yang disebutkan al-Qurtubi berkenaan teguran seorang faqih bernama Abd al-Rahman ibn Zaid terhadap seorang lelaki yang sedang berihram tetapi

memakai pakaian berjahit. Teguran beliau telah disambut oleh lelaki tersebut dengan meminta dibacakan ayat al-Quran yang menjelaskan berkenaan pakaian ihram yang sepatutnya. Lalu beliau membacakan firman Allah dalam ayat 7, Surah al-Hashr yang bermaksud: "Apa yang diberikan Rasul kepada mu maka terimalah dia. Dan apa yang dilarangnya bagimu maka tinggalkanlah". Nas ini dikemukakan beliau disebabkan hukum tersebut hanya boleh didapati menerusi Hadis dan bukan al-Quran.

